# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 42 RABU 17HB. OKTOBER, 1973. رابو 20 رمضان 1393 PERCHUMA


## Pengharaman skirt pendek bukan shor M.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengerusi Majlis Pelajaran merasa kesal di-atas satu berita yang di-siarkan oleh akhbar tempatan Borneo Bulletin keluaran hari Sabtu, 13hb. Oktober, 1973 yang melibatkan Majlis Pelajaran. Berita yang di-katakan berpuncha dari Majlis Pelajaran itu antara lain berbunyi:

**"Majlis Pelajaran Negeri Brunei yang baru di-tubohkan menchadang supaya skirt-skirt yang sangat pendek di-haramkan kapada penuntut2 dan guru2 perempuan di-Brunei...........".**

Yang Berhormat itu menegaskan bahawa yang di-beritakan itu tidak pernah di-keluarkan oleh pehak Majlis Pelajaran.

Yang Berhormat itu seterus-nya mengingatkan pemberita2 supaya berhati2 dan jujor melaporkan sa-suatu berita supaya jangan menjadi kakeliruan kapada pembacha2 dan menyinggong perasaan orang yang di-beritakan.



**Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Zain beruchap sa-belum merasmikan sambutan Nuzul Al-Quran pada malam Sabtu lepas.**

## *Pendudok Brunei meningkat kpd 145,170 orang*

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan menggunakan perangkaan yang di-dapati dari Banchi Pendudok 1971 sa-bagai perangkaan asas, Bahagian Perangkaan, Yunit Peranchang Ekonomi telah membuat anggaran ramai pendudok Brunei bagi tahun 1972 dan 1973.**

Perangkaan orang2 masok yang bertujuan hendak menetap bagi penambahan pendudok dan pas2 kerja dan pas2 tanggongan yang di-batalkan sa-bagai pengurangan pendudok telah di-gunakan sa-bagai perangkaan orang2 keluar masok.

Manakala penambahan pendudok dari beranak dan mati ada-lah di-perolehi mengikut pendaftaran beranak dan mati Perkhidmatan Perubatan.

Dengan menambah atau mengurangkan pendudok 1971 di-sebabkan keluar masok dan beranak mati di-antara tahun 1971 dan 1972 anggaran pendudok Brunei pada pertengahan tahun 1972 ada-lah 141,500 orang terdiri dari 75,879 lelaki dan 65,621 perempuan. ,

Ini mengandongi bagi Daerah Brunei/Muara sa-ramai 75,665 orang yang terdiri dari 39,695 lelaki dan 35,970 perempuan; Daerah Belait sa-ramai 44,070 yang terdiri dari 24,810 lelaki dan 19,260 perempuan; D a e r a h Tutong sa-ramai 16,355 orang

(Lihat muka 8)

## Jangan berbelanja besar menyambut Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-Brunei telah di-seru supaya merayakan Hari Raya sa-chara sederhana dan berjimat chermat memandangkan kapada keadaan kenaikan harga2 barang yang ada sekarang.

Seruan itu telah di-buat oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin ketika beliau merasmikan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran di-Dewan Raya Bandar Seri Begawan pada malam Sabtu lepas.

Beliau menjelaskan kenaikan harga2 barang bukan saja di-alami oleh Brunei bahkan juga di-alami oleh negeri2 di-seluroh dunia.

Yang Berhormat itu seterus-nya mengingatkan, berdasarkan kenaikan harga2 barang sekarang, umat Islam hendak-lah berjimat chermat dan jangan terlalu boros berbelanja dalam menghadapi Hari Raya nanti di-samping dapat mensesuaikan diri dengan keadaan.

Yang Berhormat itu juga mengharapkan bahawa apa yang menjadi thema utama Berhari Raya ia-lah untok menghubongkan silatul-rahim dan merapatkan lagi tali persaudaraan antara umat Islam.

Menyentoh mengenai pakai-

(Lihat muka 8)

## *Bekalan beras chukop: 3,500 tan lagi akan tiba bulan depan*

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 3,500 tan beras dari Hongkong akan sampai ka-Brunei dalam penghujong bulan ini, dan 1,500 tan lagi akan sampai pada penghujong bulan Disember depan.**

**Pengawal Setor Kerajaan, Awang A. S. Newn berkata, sa-buah kapal yang di-sewa khas oleh Kerajaan, sekarang sudah pun tiba di-Hongkong dan pemunggahan beras sedang giat di-jalankan.**

Awang A.S. Newn juga menerangkan sa-banyak 1,650 tan beras dari Negeri Thai di-jadualkan tiba ka-Brunei dalam bulan Nobember depan dan urusan2 perkapalan sedang di-usahakan sekarang.

Pengawal Setor Kerajaan itu mengingatkan peniaga2 di-negeri ini supaya menyimpan buku chatetan mengenai jualan beras sa-tiap hari.

Sebarang jualan sa-chara berguni sama ada untok di-jual kapada orang2 perseorangan, kedai makan atau restoran hendak-lah menchatetkan nama pembeli, nombor kad pengenalan dan alamat penoh-nya.

Awang A. S. Newn menegaskan semua chatetan2 itu mesti-lah di-siapkan dari sa-hari ka-sehari dan sentiasa di-sediakan untok di-pereksa oleh pehak yang berkuasa.

Laporan2 jualan sa-chara berguni dan baki simpanan tiap2 bulan mesti-lah di-kirimkan kapada Pengawal Setor Kerajaan Brunei. Bagi peniaga2 di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong, salinan la-

(Lihat muka 8)

## Wakil MBB ka-Seminar Belia

BANDAR SERI BEGAMAN. — Sa-orang perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Ghafar telah berlepas ka-Tokyo pada minggu-lah untok menghadhiri Seminar Belia yang berlangsong sa-lama dua minggu.

Awang Ahmad memegang jawatan sa-bagai Penolong Setia Usaha Agong Tertinggi Majlis Belia2 Neri Brunei.

Di-antara tujuan seminar itu termasok-lah merapatkan hubongan antara belia2 Asia dan bertukar2 pendapat mengenai kegiatan Persatuan di-negeri masing2.

Seminar itu di-anjorkan oleh Pertubohan Kebangsaan Majlis Belia Jepun bagi wilayah Asia.





# AHLI2 M.N. MELAWAT STESHEN2 PERTANIAN

SATU rombongan sa-ramai tujoh orang ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang di-ketuai oleh Jurutulis Majlis Meshuarat, Awang Judin Asar telah mengadakan lawatan ka-empat buah Steshen Pertanian di-Daerah Brunei/Muara dan Tutong pada 6hb. Oktober yang lalu.

Rombongan itu mula2 melawat ka-Steshen Pertanian Kilanas di-mana mereka telah di-alu2kan oleh Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroofe, Pmk. Timbalan Pengarah Pertanian, Awang Hamid Ja'afar dan lain2 pegawai pertanian. Di-steshen itu mereka telah di-beri penerangan mengenai dengan dasar Jabatan Pertanian dan Pengkajian Tanah.

Sa-telah itu ahli2 Yang Berhormat dengan di-iringi oleh Pengarah Pertanian dan Pmk. Timbalan Pengarah Pertanian serta lain2 pegawai pertanian telah melawat ka-Steshen Pertanian Mulaut untok menyaksikan penchubaan tanaman padi dan ka-Steshen Luahan di-mana penchubaan tanaman rumput di-laksanakan.

Lawatan mereka berakhir dengan lawatan ka-Steshen Pertanian Birau di-Daerah Tutong. Di-sana mereka telah menyaksikan penchubaan tanaman padi tugal.

**Gambar2 menunjokkan (atas) ahli2 Yang Berhormat ketika mendengar penerangan Pegawai Pertanian, Awang Danial Haji Hanafiah mengenai dengan penanaman rumput, manakala gambar bawah mereka sedang menyaksikan tanaman perchubaan padi tugal di-Steshen Pertanian Birau. — Gambar eshan Jabatan Pertanian.**

## *320 chalun mengambil pereksa trengkas, menaip*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 320 orang chalun akan mengambil pepereksaan trengkas, menaip, book-keeping dan steno dalam aliran Melayu dan Inggeris dalam bulan Nobember dan Disember tahun ini.

Pepereksaan tersebut akan di-adakan di-lima buah pusat ia-itu Maktab SOAS; Sekolah Menengah SMJA dan Sekolah Melayu Pusar Ulak bagi Bandar Seri Begawan dan Maktab Anthony Abell dan Sekolah Melayu Mohammad Alam bagi chalun2 di-Seria.

Pepereksaan menaip akan di-adakan pada 30hb. Nobember, trengkas 1hb. Disember dan steno dan book-keeping pada 2hb. Disember.

Sa-ramai 124 orang chalun akan mengambil pepereksaan menaip permulaan dalam aliran Melayu, 61 menengah dan 23 tertinggi.

Chalun2 yang akan mengambil pepereksaan kepantasan menaip dalam Melayu ia-lah, steno senior sa-orang, trengkas permulaan 20 orang, trengkas menengah 16 orang dan trengkas tertinggi 14 orang.

Dalam pepereksaan book-keeping Aliran Melayu pula ia-lah menengah sa-orang dan book-keeping aliran Inggeris sa-ramai 2 orang.

Pepereksaan menaip dalam aliran Inggeris ia-lah permulaan 28 orang, menengah 22 orang, tertinggi 7 orang sementara pepereksaan trengkas aliran Inggeris ia-lah permulaan, sa-orang menengah dan sa-orang tertinggi.

Sementara itu sa-ramai 376 orang chalun akan mengambil pepereksaan Royal Society of Arts yang akan di-adakan dari 15hb. hingga 29hb. Nobember hadapan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran Bahagian Pepereksaan menyatakan bahawa sa-ramai 128 orang chalun ada-lah dari Bandar Seri Begwan, 202 orang dari Seria dan 46 orang dari Kuala Belait.

Pepereksaan itu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan, Maktab Anthony Abell, Seria dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait.

Pepereksaan itu terbahagi kapada tiga bahagian, Tingkatan Satu, Dua dan Tiga dan antara mata2 pelajaran yang akan di-pereksa ia-lah book-keeping, trengkas, Bahasa Inggeris bagi orang2 asing, Bahasa Inggeris, Akauntant dan Ilmu Hisab.

## Kirimkan kad2 Hari Raya dengan segera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Ketua Pos Agong, Awang Haji Mohammad Jaafar bin Haji Mohammad Daud menyeru orang ramai supaya mengirimkan kad2 uchap selamat Hari Raya ka-Malaysia dan Singapura melalui mel udara, tidak lewat dari 20hb. Oktober.

Kad2 yang di-kirimkan ka-Singapura dan Malaysia melalui mel biasa hendak-lah juga di-kirimkan dengan segera dan ka-kawasan2 di-negeri ini, tidak lewat dari 22hb. Oktober.

Ini ada-lah untok menjamin supaya kad2 uchap selamat Hari Raya itu sampai kapada alamat2 yang di-tujukan sabelum tiba-nya Hari Raya nanti.

Pemangku Ketua Pos Agong itu juga meminta pengirim2 supaya menulis nama dan alamat dengan terang dan melekatkan setem yang menchukopi.

Kata-nya, sampul2 surat berukoran tidak kurang dari 4x2¾ inchi ada-lah lebeh sesuai di-gunakan.

## Pembinaan S.M. T-Jambu selesai

JALAN MUARA. — Kerja2 pembinaan sa-buah sekolah Melayu di-Tanah Jambu, Jalan Muara telah selesai.

Sekolah itu mempunyai dua blok berasingan di-mana sa-buah daripada-nya mempunyai 4 buah bilek darjah dan sa-buah lagi mempunyai tiga buah bilek darjah dan bilek2 pejabat.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya yang merangka bangunan sekolah itu menyatakan sekolah sementara yang lama di-kawasan itu telah dirobohkan dan rumah bagi guru2 sekarang sedang di-bina di-atas tapak itu.

Juruchakap itu menyatakan, kerja2 selanjut-nya di-jangka selesai awal tahun depan.

## *3,320 masok sekolah tahun depan*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,320 orang kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1hb. Januari tahun 1969, akan mulai bersekolah di-sekolah2 rendah Melayu di-seluroh negeri pada awal tahun depan.

Dari jumlah tersebut termasok-lah 1,620 orang kanak2 perempuan.

Bilangan kanak2 itu di-setiap kawasan di-seluroh negeri ia-lah Kawasan Brunei Satu 920 orang; Brunei Dua 811 orang; Brunei Tiga 388 orang Tutong Satu 336 orang; Tutong Dua 154 orang; Belait 521 orang dan Temburong 190 orang.

Kanak2 yang telah di-daftarkan itu akan mula bersekolah dua minggu sa-lepas pembukaan penggal pertama persekolahan tahun depan.

**MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM**

# "Malam Lailatul-Qadar" lebeh baik daripada seribu bulan

## KHUTBAH JUMA'AT

DALAM bulan Ramadhan ini sa-lain daripada kita di-wajibkan berpuasa pada siang hari-nya, kita ada-lah juga di-galakkan oleh ugama supaya menghidupkan-nya dengan melakukan sembahyang teraweh dan witir di-sebelah malam-nya dan memperbanyak bachaan terhadap ayat2 suchi Al-Quran dan lain2 galakan amal ibadat dan kebajikan. Semua-nya itu ia-lah bagi menchapai matalamat dan semangat bulan Ramadhan ini ia-itu bagi menjadikan sa-seorang itu bertambah taqwa kapada Allah Subhanahu-Wataala.

Di-samping itu pada sa-pertiga yang akhir dari bulan Ramadhan ini, Allah telah memileh suatu malam istimewa, di-mana pintu rahmat Tuhan terbuka dengan seluas2-nya. Jika pada malam ini orang beribadat kapada Allah dengan penoh khusu', melakukan i'tikaf di-mesjid maka ibadat yang satu malam itu sama pahala-nya dengan amal seribu bulan, malam itu-lah yang dinamakan malam "Lailatul-Qadar". Malam itu amat utama sekali, dengan pahala istimewa bagi sa-siapa yang mendapat-nya. Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

**"Malam Lailatul-Qadar itu lebeh baik daripada seribu bulan, pada-nya turun malaikat dan jebril pada malam itu dengan izin Tuhan supaya diator-nya tiap2 urusan. Sejahtera-lah malam itu, hingga menyingsing fajar waktu suboh".**

### "Ibadat yang satu malam itu lebeh pahala-nya drp. amal seribu bulan"

Terang-lah sudah bahawa malam Lailatul-Qadar itu ada-lah malam yang amat berbahagia, yang datang hanya satu kali sa-tahun pada sa-pertiga yang akhir dari bulan Ramadhan. Itu-lah sebab-nya maka Nabi Muhammad s.a.w. beserta sahabat2 baginda lebeh membanyakkan bangun dari tidor, lebeh banyak mengerjakan i'tikif di-mesjid daripada berada di-rumah. Menurut keterangan ulama, malam Lailatul-Qadar itu jatoh pada malam yang ganjil dari sa-pertiga yang akhir dari bulan Ramadhan.

Orang yang benar2 ingat akan kepentingan-nya hidup di-akhirat yang memerlukan bekalan amal kebajikan sa-banyak2-nya sa-masa hidup di-dunia, orang yang bukan hanya berhempas pulas untok mendapatkan kebahagiaan hidup di-dunia semata2, dan orang yang menjadikan kehidupan di-dunia ini sa-bagai medan perjuangan untok mendapatkan kebahagiaan yang kekal abadi di-akhirat, tentu-lah kesempatan beramal yang paling istimewa ini tidak akan di-buang lalu bagitu saja. Kerana kesempatan ini chuma ada di-bulan Ramadhan yang datang-nya pula sa-tahun sekali. Alangkah rugi-nya orang yang pada malam2 Ramadhan ini menghabiskan masa dengan tidor sa-lepas sungkai sa-hingga masa sahhor atau hanya berbual2 kosong sambil menuntun talivishen dan sebagainya. Pada hal sembahyang teraweh dan witir serta membacha Quran di-tinggalkannya.

Oleh yang demikian, marilah kita melebehkan beramal ibadat terutama sekali di-malam Lailatul-Qadar pada sapertiga yang akhir dari bulan Ramadhan ini, mudah2an dengan berkat kerajinan, keikhlasan dan kejujoran kita beramal ibadat dan berbuat kebajikan itu kita akan memperoleh ganjaran pahala dan kebajikan yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu-Wataala.

## *Rombongan marhaban akan berkunjong ka-rumah2*

TUTONG. — Badan Kebajikan dan Perayaan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong baru2 ini telah membentok satu badan marhaban untok berkunjong ka-rumah2 dalam masa Hari Raya untok mengutip derma bagi tabong pembinaan stadium.

Badan itu di-pengerusikan oleh Pengetua Sekolah itu, Awang Adam bin Haji Tarif.

Rombongan Badan Marhaban yang mengandongi sa-ramai kira2 30 orang itu akan berkunjong dan berhari raya ka-rumah2 pembesar2 negara, orang2 kenamaan dan orang2 perseorangan di-negeri ini mulai hari raya kedua dengan mengadakan majlis marhaban sa-lama kira2 10 minit.

Sa-orang juruchakap badan itu berharap rombongan itu akan mendapat sambutan baik dari rumah2 yang di-kunjongi nanti.

## Pepereksaan bahasa China, Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. Pepereksaan bahasa China, Jepun dan Peranchis bagi penuntut2 dari darjah satu hingga enam, dan pepereksaan bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu dari darjah dua, empat, enam hingga tingkatan dua akan di-adakan dalam bulan Disember hadapan.

Pepereksaan bahasa Jepun akan di-adakan pada 1hb. dan 2hb. Disember dan pepereksaan bahasa China bagi darjah dua, empat dan enam di-adakan pada 2hb. dan 3hb. Disember di-Sekolah Melayu Pusar Ulak Bandar Seri Begawan, sementara pepereksaan bahasa Peranchis di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Pepereksaan bahasa Melayu bagi darjah dua, empat dan enam dan tingkatan dua akan di-adakan pada 1hb., 2hb. dan 3hb. Disember di-Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Bayaran memasoki peperiksaan itu di-kenakan sa-banyak $2.00.

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

## *Meninjau ka-Jabatan Kehakiman*

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-kumpulan 20 orang anggota pulis yang sedang menjalani satu kursus ulangkaji salama dua bulan di-Sekolah Latehan Pulis Diraja Brunei, Jalan Muara telah melawat ka-Jabatan Kehakiman di-Bandar Seri Begawan baru2 ini sabagai sa-bahagian lawatan sambil belajar.

Mereka di-ketuai oleh Sarjan Ibrahim bin Abdullah, jurulateh di-sekolah tersebut.

Dalam masa lawatan itu, mereka telah mendengarkan cheramah mengenai aspek2 perkhidmatan jabatan itu.

**MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM**

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17hb. Oktober, hingga ka-hari Selasa 23hb. Oktober, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:–*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17hb. Okt. | 12-12 | 3-30 | 6-11 | 7-26 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 18hb. Okt. | 12-12 | 3-30 | 6-11 | 7-26 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 19hb. Okt. | 12-12 | 3-30 | 6-11 | 7-26 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 20hb. Okt. | 12-12 | 3-30 | 6-11 | 7-26 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 21hb. Okt. | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-24 | 4-33 | 4-48 | 4-05 |
| 22hb. Okt. | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-24 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |
| 23hb. Okt. | 12-11 | 3-29 | 6-10 | 7-24 | 4-33 | 4-48 | 6-05 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12–45 tengah hari.*

PELITA BRUNEI

(17hb. Oktober, 1973).

## AWASI BERAS

KEGIATAN menchari keuntongan telah dapat di-patahkan apabila satu pasokan Pegawai2 Kastam dan Pulis dari Bandar Seri Begawan menyerbu sa-buah kapal barang yang menyembunyikan 35 karong beras di-Pulau Berbunot baru2 ini telah dapat di-rampas dan orang yang bertanggong-jawab itu telah di-hadapkan ka-mahkamah.

Ini berikutan dengan maklumat yang di-berikan oleh Ketua Kampong Pulau Berbunot Awg. Haji Abd. Hamid bin Mat Rais kapada pehak yang berkuasa yang kemudian-nya segera bertindak sa-belum kapal itu dapat bergerak meninggalkan Pulau Berbunot ka-tempat yang di-ranchangkan lebeh awal.

Sa-bagai mana kita sama2 ma'alum bahawa harga beras di-Brunei ada-lah berpatutan jika di-bandingkan dengan harga beras di-negeri2 jiran, dengan sebab itu mereka yang berani untok chuba menchari kesempatan dan keuntongan lebeh lumayan terpaksa melakukan apa saja dengan tidak menghiraukan bahaya2 yang di-hadapi oleh mereka sendiri.

Sa-lain dari itu beberapa buah kedai di-Bandar Seri Begawan telah di-potong dari daftar pembeli beras di-Setor dan Perbekalan Negara kerana di-dapati menyimpan banyak beras dan enggan menjual-nya kapada orang ramai.

Langkah berjaga2 dan peratoran2 tertentu yang di-keluarkan oleh Kerajaan kapada wakil pembahagi beras di-Brunei supaya beras tidak akan di-sembunyikan dengan tujuan2 lain ada-lah merupakan tindakan wajar dan berpatutan. Di-samping itu mereka yang membeli beras lebeh daripada di-fikirkan perlu terpaksa menunjokkan kad pengenalan dan alamat penoh pembeli serta lain2 sharat yang bertujuan samata2 untok melindongi supaya hak kepentingan raayat tidak akan di-salah gunakan.

Beras merupakan perkara penting bagi Brunei dan ia-nya juga menjadi satu krisis di-negeri2 yang kurang mengeluarkan hasil padi. Dengan demikian Brunei merasa sangat2 beruntong dan bernasib baik sa-lain dari mengikat satu perjanjian sa-chara langsong dengan Negeri Thai mengenai pembekalan beras juga baru2 ini telah mengikat satu lagi perjanjian dengan Hongkong ia-itu satu lagi sumber yang di-perchayai Brunei tidak akan kekurangan beras untok keperluan dalam negeri.

Memandang kapada keadaan ini-lah, Kerajaan terpaksa bertindak lebeh tegas supaya mengawasi dari perbuatan sa-tengah gulongan yang chuba menyembunyikan beras dan chuba menyeludupkan ka-lain2 tempat untok menchari keuntonan lebeh tinggi.

Sa-tiap pendudok khas-nya raayat Brunei, harus-lah waspada dengan memberi kerjasama kapada Kerajaan dalam mengawasi keadaan ini saperti chuntoh yang telah di-tunjokkan oleh Ketua Kampong Pulau Berbunot itu.

# SOAL-JAWAB MENGENAI ZAKAT FITRAH

Soal-jawab ini telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada malam Ahad lepas dalam ranchangan "Tinjauan Radio".

**Soal: Oleh kerana zakat fitrah itu suatu kewajipan ugama, maka sukachita-lah kita mengetahui sandaran hukum yang mewajibkan-nya itu.**

Jawab: Memang-lah tepat dan benar bahawa zakat fitrah itu suatu kewajipan ugama. Sandaran hukum yang mewajibkan-nya ia-lah beberapa buah hadith Rasulullah s.a.w. antara-nya dan yang terutama-nya sekali ia-lah hadith atau riwayat yang bermaksud:

"Dari Ibnu Umar yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah bulan Ramadhan sa-banyak satu sak (satu gantang) kurma atau gandum ka-atas tiap2 orang Islam yang merdaheka atau pun hamba, lelaki atau pun perempuan".

Riwayat tersebut ada-lah riwayat yang sah, dan sa-chara khusus ada-lah menjadi sandaran atau puncha hukum yang mewajibkan zakat fitrah itu beserta kadar yang wajib di-bayar.

**Soal: Dalam riwajat hadith tadi di-sebutkan kadar yang wajib di-bayar atau di-keluarkan ia-lah satu gantang kurma atau gandum, kadar itu di-tetapkan menurut sukatan gantang. Dan jenis makanan yang di-sebutkan itu ia-lah kurma atau gandum. Jadi apa-kah hubongan-nya dengan kelaziman di-kuatkuasakan di-negeri ini mewajibkan bayaran itu mengikut kadar 3 kati 12 tahil beras?**

Jawab: Sunggoh pun kadar yang di-sebutkan dalam riwayat hadith itu ia-lah kadar sukatan mengikut kiraan gantang, dan bukan mengikut kiraan berat timbangan. Dan jenis makanan pula ia-lah sama ada kurma atau pun gandum, tetapi perkara itu tidak-lah menghalang pehak yang berkuasa dalam sa-sebuah negeri Islam atau masharakat Islam bagi menetapkan kadar zakat fitrah yang wajib di-bayar atau di-keluarkan mengikut kiraan berat timbangan, dan menetapkan jenis yang wajib di-bayar itu lain daripada yang di-sebutkan dalam riwayat hadith tersebut, kerana iktibar atau perhitongan mengenai kewajipan zakat fitrah menurut riwayat hadith itu bukan-lah chara sukatan tertentu, dan bukan-lah pula satu2 jenis makanan tertentu saperti yang tersebut itu sahaja. Tetapi yang jadi iktibar atau perhitongan mengenai-nya ia-lah kadar tertentu bagi jenis makanan utama yang lazim-nya di-makan oleh orang2 Islam mengikut kebiasaan masing2 negeri.

Bagi orang Islam di-negeri ini makanan utama yang lazim itu ia-lah nasi yang berasal dari beras, maka kerana itu-lah beras di-jadikan jenis makanan yang di-wajibkan bagi zakat fitrah kita di-negeri ini. Dan sukatan beras itu sunggoh pun biasa-nya di-kira sa-chara gantang tetapi ada-lah di-ketahui sa-gantang beras yang lazim di-makan oleh kita di-negeri ini ia-lah sa-berat 6 kati. Kadar satu sak itu mengikut kiraan berat sa-gantang beras yang lazim di-makan itu ada-lah bersamaan 3 kati 12 tahil. Oleh itu berat sa-banyak 3 kati 12 tahil beras itu di-jadikan kadar yang wajib di-bayar atau di-keluarkan bagi zakat fitrah kita di-negeri ini.

**Soal: Telah di-ketahui umum zakat fitrah itu biasa-nya di-bayar dengan wang, ia-itu mengikut nilaian harga 3 kati 12 tahil beras, sedangkan riwayat hadith yang mewajibkan zakat fitrah itu tadi menetapkan pembayaran-nya dalam bentok jenis makanan yang lazim di-makan. Jadi tidak-kah pembayaran dengan sa-chara wang itu menyalahi kehendak riwayat hadith tersebut?**

Jawab: Ketetapan hukum menurut mazhab Shafie menshaaratkan zakat fitrah hanya sah di-keluarkan atau di-bayar dalam bentok makanan yang lazim di-makan oleh orang2 Islam sa-sebuah negeri. Ketetapan tersebut benar2 menepati maana zahir riwayat hadith di-sebutkan tadi.

Dalam pada itu, menurut mazhab Hanafi zakat fitrah ada-lah sah di-bayar atau di-keluarkan dengan wang ia-itu dengan harga makanan yang lazim itu sa-bagaimana juga ia sah di-bayar atau di-keluarkan dengan makanan itu. Alasan mazhab Hanafi sa-lain daripada ma'ana umum riwayat hadith tadi ia-itu berdasarkan ma'ana yang tersirat di-dalam-nya, bukan ma'ana yang tersurat atau bukan ma'ana zahir-nya, ia-lah juga sa-buah hadith yang menyabutkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Perkayakan-lah mereka (orang2 yang susah, fakir miskin) daripada meminta atau mengemis pada hari sa-umpama ini (hari raya).

Maksud memperkayakan mereka itu-lah ia-lah mengelakkan mereka dari meminta2 atau mengemis pada hari raya. Chara mengelakkan itu boleh di-buat dengan memberi mereka zakat dalam bentok makanan yang lazim di-makan, dan boleh juga dalam bentok wang tunai, bahkan dengan memberi mereka zakat fitrah dalam bentok wang tunai itu lebeh berkesan untok mengelakkan mereka itu dari meminta2 atau mengemis pada hari raya, kerana dengan wang itu keperluan dan hajat mereka dapat di-tampong atau di-penohi tidak sahaja dari segi makanan dan minuman tetapi juga keperluan dan hajat yang lain pada hari raya itu.

Oleh yang demikian, mengeluarkan atau membayar zakat fitrah dengan wang tidak-lah menyalahi kehendak riwayat hadith yang mewajibkan-nya, ia-itu riwayat oleh Ibnu Umar tadi, kerana ma'ana yang tersirat di-dalam-nya bukan-lah sa-takat mengandongi maksud menolong orang2 susah dengan memberi mereka zakat fitrah dalam bentok makanan, tetapi lebeh luas dari itu ia-lah mengelak dan melegakan serta melapangkan mereka dari menanggong duka nestapa di-hari raya oleh sebab ketidak chukopan hajat dan keperluan mereka.

Kesimpulan-nya: Kedua2 chara2 ia-itu membayar zakat fitrah dengan wang atau dengan beras itu ada-lah sah di-sisi ugama. Kedua2-nya menepati kehendak Allah s.w.t. dan Rasul-Nya yang mewajibkan zakat fitrah ka-atas sa-tiap orang Islam sama ada yang merdaheka atau pun hamba, sama ada lelaki atau pun perempuan.

**Soal: Zakat fitrah itu ada-lah wajib ka-atas tiap2 orang Islam. Kita sukachita akan mendapat penjelasan lanjut mengenai kewajipan itu, ada-kah maksud tiap2 orang Islam itu erti-nya semua orang Islam dengan tidak ada kechualinya.**

Jawab: Pada asas-nya, sa-tiap kewajipan ugama itu ada-lah di-kenakan ka-atas sa-tiap ahli-nya, samada sa-chara perseorangan atau pun sa-chara kumpolan. Dalam pada itu pelaksanaan dan kuatkuasa kewajipan ugama ada-lah tergantong kapada sharat atau beberapa sharat. Maka dalam perkara zakat fitrah ini kewajipan mengenai-nya atau pelaksanaan serta kuatkuasanya ada-lah terta'alok kapada sharat atau sharat2 yang di-tentukan.

Dalam hadith yang mula2 di-sebutkan tadi, ia-itu hadith yang mewajibkan zakat fitrah ka-atas tiap2 orang Islam, sama ada yang merdaheka ataupun hamba, sama ada lelaki atau pun perempuan, bagaimana pun pelaksanaan dan kuatkuasa-nya ada-lah tertaklok kapada dua sharat utama.

Pertama: Hendak-lah ia-(orang Islam) mempunyai kelebehan makanan untok di-makan pada malam hari raya dan siang-nya (makanan sa-hari sa-malam) bagi diri-nya dan bagi tanggongan nya, ia-itu orang2 yang nafkah-nya di-tetapkan oleh shara' wajib di-tanggong oleh-nya. Maka orang yang tiada berkelebehan makanan untok sa-hari sa-malam (pada malam raya dan siang-nya) bagi diri-nya dan diri tanggongan-nya tidak-lah di-wajibkan membayar fitrah.

Kedua: Hendak-lah ia ada pada waktu matahari terbenam di-hari terakhir bulan Ramadhan. Maka orang yang meninggal sa-belum Ramadhan itu ada-lah tidak di-kenakan wajib membayar fitrah, begitu juga kanak2 yang di-lahirkan sesudah waktu itu tidak-lah di-kenakan fitrah. Kemudian, dari segi orang yang nafkah-nya wajib di-tanggong saperti isteri, kira-nya saorang lelaki berkahwin tegas-nya sesudah matahari terbenam pada hari terakhir bulan Ramadhan maka tidak-lah ia di-kenakan menanggong atau membayar fitrah isteri-nya itu.

(Lihat muka 5)

# Sharat2 penerimaan zakat fitrah

(Dari muka 4)

**Soal: Bagaimanakah kedudokkan orang miskin atau orang susah yang tiada mempunyai mata pencharian dalam hubongan sharat yang menghendaki mesti-lah ada kelebehan makan untok sa-hari sa-malam?**

Jawab: Zakat fitrah ada-lah berlainan dari zakat2 yang lain dari segi bahawa zakat2 yang lain itu di-wajibkan ka-atas orang2 Islam yang mempunyai atau memileki kadar tertentu harta dan sebagai-nya yang wajib di-zakat. Orang Islam yang sedemikian itu tentu-nya orang kaya, dan bukan dari kalangan orang miskin. Tetapi zakat fitrah ada-lah di-wajibkan ka-atas tiap2 orang Islam dengan tidak memperhitongkan kadar harta yang di-mileki-nya, tetapi yang diperhitongkan ia-lah kadar makanan yang di-mileki-nya ada-lah melebehi untok keperluan sa-hari semalam pada malam raya dan siang-nya bagi di-makan oleh-nya dan oleh tanggong-nya. Tegas-nya dalam perkara kewajipan zakat fitrah ini memadai-lah sa-seorang itu mempunyai kelebehan makanan untok-nya dan untok tanggongan-nya pada malam hari raya dan siang-nya.

Berhubong dengan hal ini, orang2 miskin atau pun orang2 yang susah tiada mata pencharian tetap, meskipun ia miskin dan susah, tetapi tidak-lah selama2-nya ia tidak mempunyai kelebehan makanan untok sa-hari sa-malam itu, bahkan ada waktu-nya orang2 miskin atau orang susah itu mempunyai makanan yang lebeh dari keperluan-nya bagi sa-hari sa-malam terutama pada malam hari raya dan siang-nya, kerana biasa-nya pada hari2 menjelang hari raya itu ia menerima sedekah yang menchukopi dan melebehi keperluan-nya sa-hari sa-malam pada malam hari raya dan siang-nya. Maka orang miskin atau orang susah tetapi mempunyai kelebehan makanan bagi diri-nya dan diri tanggongan-nya pada malam hari raya dan siang-nya ada-lah di-wajibkan membayar zakat, sekurang2-nya untok diri-nya sendiri.

Mengenai perkara orang miskin atau orang susah yang mempunyai kelebehan makanan sedemikian itu lalu di-wajibkan keatas-nya membayar zakat fitrah, Al-Marhum Shekh Muhammad Shaltut di-dalam fatwa-nya telah menghuraikan bahawa kewajipan itu ada-lah menepati arti-kata perpaduan erat yang di-tuntut oleh Allah. Perpaduan itu, sa-bagaimana di-tuntut antara orang2 kaya dengan orang2 miskin, maka ia ada-lah juga di-tuntut antara sa-masa orang miskin. Salain dari itu, orang miskin atau orang susah itu akan merasa mulia ketika membayar fitrah-nya, dengan tangan di-unjokkan untok memberi mungkin akan timbul satu macham perasaan yang mendurong supaya ia bekerja kuat melepaskan diri-nya dari kemiskinan dan kesusahan yang memaksa-nya sentiasa menadah tangan meminta2.

**Soal: Terdapat tanda tanya pada sa-tengah2 orang mengenai dengan kadar yang wajib di-bayar atau di-keluarkan, ia-itu mengapa-kah kadar tersebut sama sahaja di-antara sa-orang kanak2 dengan sa-orang dewasa?**

Jawab: Tanda tanya atau keraguan sa-umpama itu pada hemat saya ada-lah timbul dari salah dalam memahami hakikat zakat fitrah itu sa-bagai salah satu daripada zakat2 yang di-wajibkan oleh Islam.

Zakat yang di-wajibkan oleh Islam itu ada bermacham2, ada zakat wang ringgit, ada zakat binatang ternakan dan sebagai-nya. Kesemua zakat2 itu ada-lah dalam jumlah zakat yang di-namakan ZAKAT HARTA. Dan zakat harta pada umum-nya ada-lah di-dasarkan pada kadar2 tertentu, banyak harta maka banyak-lah zakat-nya, sedikit harta maka sedikit-lah zakat-nya.

Sementara itu zakat fitrah ada-lah di-namakan ZAKAT BADAN dalam arti kata zakat mengikut hitong nyawa atau jiwa bukan hitong umor atau usia. Kerana itu kadar yang wajib di-bayar ada-lah sama di-antara sa-orang dewasa dengan sa-orang kanak2 ia-itu bagi kita di-negeri ini sa-banyak 3 kati 12 tahil beras atau pun di-nilaikan dengan harga-nya mengikut harga pasaran.

**Soal: Berpindah kapada perkara kutipan zakat fitrah dan pembahagian-nya, peraturan yang berjalan semenjak tahun 1969 di-negeri ini ia-lah zakat fitrah itu di-kutip oleh amil2 yang di-lantek, dan pembahagian-nya kapada orang2 yang berhak juga di-buat oleh amil2 itu. Kita suka mendapat penjelasan mengenai hukum yang membolehkan kerajaan berbuat demikian?**

Jawab: Nas hukum yang mewajibkan zakat sa-chara umum atau fitrah khusus-nya ada-lah membolehkan orang2 yang wajib membayar atau mengeluarkan zakat membayar atau mengeluarkan-nya kapada orang2 yang behak menerima-nya. Tetapi, sa-tengah2 nas ada pula yang tegas2 memberi kuasa kapada kerajaaan mengutip zakat, mithal-nya firman Allah yang bermaksud: "Ambil-lah sedekah (zakat) daripada harta mereka itu". Perintah mengambil itu tentu-lah di-tujukan kapada pehak yang berkuasa. Arti-nya Allah memberi kuasa kapada pehak2 yang berkuasa itu bagi mengambil zakat dalam artikata mengutip-nya.

Dan peraturan yang berjalan dalam perkara zakat itu di-zaman Rasulullah s.a.w. dan di-zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar r.a. ia-lah kerajaan berkuasa mengutip dan mengumpolkan-nya dan seterus-nya membahagi2-kan-nya. Rasulullah s.a.w. ada melantek amil2 bagi maksud2 itu. Dan Abu Bakar r.a. dalam masa permulaan beliau di-angkat jadi Khalifah —jadi ketua kerajaan Islam sa-sudah Nabi wafat, telah memerangi orang2 yang tidak mahu membayar atau mengaluarkan zakat.

Bagaimana pun, kuasa yang di-berikan kapada kerajaan dalam perkara zakat ada-lah terbatas kapada mengutipnya melantek amil2 dan mengatur chara2 kutipan dan chara2 pembahagian ada pun mengenai perkara lain2 saperti kadar yang di-wajibkan, ka-atas siapa di-wajibkan, dan kapada siapa di-bahagikan, tidak-lah termasok dalam kuasa kerajaan, bahkan perkara2 ini telah di-tetapkan oleh Allah sama ada melalui firman-Nya dalam Al-Qur'an atau pun melalui Sunnah Rasul-Nya, dan kerajaan dalam hal ini hanya tinggal melaksanakan-nya sahaja.

Mithal-nya, dalam perkara pehak2 yang berhak menerima zakat, Allah s.w.t. telah menetapkan-nya kapada lapan asnaf atau gulongan sa-bagaimana di-firmankan-Nya dadalam Surah Al-Taubah ayat Surah Al Taubah ayat 60 yang arti-nya: "Ada pun sedekah (zakat) itu ada-lah untok fakir dan miskin, amil2 yang mengutip-nya, muallaf (orang2 yang di-jinakkan hati-nya), hamba abdi yang bermaksud menabus diri-nya, orang berhutang, perkara2 kerana Sabilullah, dan orang2 musafir yang melarat — sa-bagai kewajipan dari Allah, dan Allah maha mengetahui lagi bijaksana".

Lapan Asnaf atau gulongan itu-lah sahaja yang berhak menerima bahagian zakat, dan ada-lah di-luar kuasa kerajaan untok menambah atau mengurangkan-nya.

Berdasarkan kuasa yang di-bolehkan itu, maka kerajaan kita telah menguatkan kuasakan Bab 114 dari undang2 No. 20/tahun 1955 (Undang2 Majlis Agama Dan Mahkamah2 Kadzi tahun 1955) dengan membuat peraturan yang di-namakan PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH 1969. Semenjak tahun 1969 itu zakat di-negeri ini, terutama zakat fitrah ada-lah di-kelolakan oleh kerajaan.

**Soal: Dalam perkara zakat fitrah, bagaimana-kah peraturan yang berjalan bagi mengetahui asnaf atau gulongan yang berhak menerima bahagian-nya sa-lain daripada amil2 yang di-lantek itu, serta bagaimana-kah chara pembahagian-nya kapada mereka?**

Jawab: Oleh kerana zakat fitrah itu mempunyai kedudokkan yang khusus dari zakat2 yang lain, ia-itu dalam artikata ia terikat kapada satu waktu yang terbatas ia-itu dari awal bulan Ramadhan sa-hingga menjelang hari raya, yang mana pembatasan-nya kapada waktu tersebut mengandongi maksud dan tujuan bagi memberikan bantuan serta merta kapada orang2 yang berhak menerima-nya bagi menampong keperluan2 dan hajat mereka itu dalam menyambut hari raya, sa-bagaimana terkandong dalam ma'ana sa-buah hadith yang berbunyi: Arti-nya: "Perkayakan-lah mereka itu (orang2 yang berhak menerima zakat fitrah) daripada meminta2 atau mengemis pada hari sa-umpama ini (hari raya)"

Maka peraturan yang berjalan bagi mengetahui orang2 yang berhak dan memerlukan bantuan serta merta menjelang hari raya itu ia-lah dengan chara mendaftarkan mereka itu di-seluroh negeri ini melalui amil2 yang di-lantek. Pada tahun ini bilangan amil2 yang di-lantek di-seluroh negeri ia-lah sa-ramai 105 orang, ia-itu 77 orang bagi Daerah Brunei/Muara, 14 orang bagi Daerah Tutong, 8 orang bagi Daerah Belait, dan 6 orang bagi Daerah Temburong. Mereka itu ada-lah di-arahkan supaya mendaftarkan orang2 yang berhak memenerima bahagian zakat fitrah dalam ertikata orang2 yang memerlukan bantuan serta merta menjelang hari raya . Di-samping itu orang2 yang berhak itu sendiri atau orang2 lain yang mengetahuinya ada-lah di-minta kerjasama bagi mendaftarkan-nya kapada amil2.

Pada lazim-nya, orang yang di-daftarkan itu terdiri dari dua gulongan daripada lapan gulongan yang berhak menerima zakat, ia-itu fakir miskin kerana mereka itu-lah yang di-kehendaki oleh hadith yang menyuroh kita memperkayakan mereka dalam erti kata melepaskan mereka dari meminta2 atau mengemis pada hari raya.

Satu perkara yang patut di-ketahui umum ia-lah oleh kerana urusan pengumpulan hasil kutipan zakat fitrah sa-tiap tahun tidak akan selesai sehingga-lah sa-lepas hari raya, maka bagi menepati kehendak hadith yang menyuroh kita mengelakkan orang2 miskin dari meminta2 atau mengemis di-hari raya itu, kerajaan telah memperuntokkan sa-jumlah wang sa-tiap tahun sa-bagai pendahuluan untok di-bahagi2kan kapada mereka itu beberapa hari sa-belum hari raya. Pada tahun ini kerajaan telah menguntokkan sabanyak $35.000.00 bagi maksud2 itu.

**Soal: Kita sukachita mengetahui angka2 orang yang di-daftarkan sa-bagai orang2 yang berhak menerima bahagian zakat fitrah sa-tiap tahun semenjak peraturan yang berjalan sekarang ini di-kuatkuasakan.**

Jawab. Angka2 yang menunjokkan bilangan orang2 yang di-daftarkan bagi menerima bahagian zakat fitrah dan telah pun menerima-nya semenjak 4 tahun sa-hingga tahun lepas (1972 ada-lah saperti berikut:

| DAERAH | 1969 | 1970 | 1971 | 1972 |
|---|---|---|---|---|
| Brunei/Muara | 1623 | 2037 | 1826 | 1987 |
| Belait | 346 | 418 | 393 | 434 |
| Tutong | 342 | 324 | 367 | 384 |
| Temburong | 128 | 142 | 134 | 109 |

**Soal: Bagaimana pula jumlah kutipan dan pembahagian zakat fitrah semenjak empat tahun itu?**

| TAHUN | 1969 | 1970 | 1971 | 1972 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| KUTIPAN | $70,075.07 | $91,815.48 | $89,892.33 | $76,670.37 | $328,453.25 |
| BAYARAN | 46,721.09 | 61,268.83 | 45,416.15 | 39,040.23 | 192,444.44 |
| BAKI | 23,353.98 | 30,546.65 | 44,476,18 | 37,630.14 | 136,008.81 |

(Lihat muka 8)

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 93/1973

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Daud bin Salleh, No. 32 Kampong Jaya Setia Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ropiah binte Haji Daud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 95/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abd. Latif bin Hj. Kurus @ Zaman, Askar Melayu Diraja Brunei @ d/a Abd. Majid bin Kanak Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Kurus bin Kasum yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 96/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lim Teck Kui. No. 99 Kampong Lamunin, Tutong Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lim Chai Seng yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 97/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ismail bin Jumahat No. 34, Kg. Lambak Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Emran bin Ismail yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah bapa kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 98/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Md. Tarif bin P.O.K. Perdana Wangsa Hj. Mohammad, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh P.O.K. Perdana Wangsa Haji Mohammad bin Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 101/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Rupiah bte. Haji Kamit, No. 9 Kampong Panchor Murai Batu 13 Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ahad bin Kulla yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu sa-pemohon ia-lah chuchu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 102/1973

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hassan bin Rajab, No. 51 Kg. Rasai Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Maisah bte. Rajab yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 103/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohamed Daud bin Haji Mumin, No. 73 Kg. Peramu. Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Abdul Mumin bin Chabun yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 104/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh A. Ibrahim bin Hj. Muhammad, No. 9 Kg. Saba Tengah Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Hj. Muhammad bin Tujoh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 105/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pungut bin Dullah @ Dollah, P.O. Box 1203 Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dollah bin Nayan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 6 haribulan Oktober, 1973.

ADMINISTRATION SUIT

No. 99 OF 1973.

Application to this Court having been made by Liew Choan, P.O. Box 664 B.S. Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Ang Khim Hoon late of Brunei deceased, on the ground that Applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Bandar Seri Begawan on the 20th day of October 1973, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the court of the Probate Officer Bandar Seri Begawan before the above date.

Date this 6th day of October 1973.

**CHARLIE FOO CHEE TUNG,**
**Pegawai Penguasa Warith,**
**Negeri Brunei.**

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

A. **PEGAWAI PERPUSTAKAAN** (2 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesabuah perpustakaan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

B. **PEGAWAI LUAR** (1 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

C. **JURU SALIN** (1 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalun2 mesti-lah orang Tiong Hua dan telah lulus Pepereksaan "Chinese Senior Middle Three" dan Form III Inggeris.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

D. **PENYAMBUT** (1 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalun2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut Tetamu.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

E. **PEMBANTU PEGAWAI FOTO** (1 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berpengalaman dalam kerja2 pengambilan dan penyuchian gambar. Pemohon2 mesti-lah menyertakan 2 keping gambar ukoran 12"x15" ia-itu hasil karya-nya sendiri.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1 EB.2 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

F. **PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II** (1 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 setor.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.2 EB.3 — $290x15-380/EB/410x20-510.

G. **PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN III** (3 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Sains dan Ilmu Hisab. Mempunyai City and Guilds Certificate in Radio merupakan satu kelebehan.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

H. **PEMBANTU PERPUSTAKAAN FILEM** (1 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya Keutamaan akan di-beri kapada mohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesabuah Perpustakaan Filem.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660.

I. **PEGAWAI SIARAN (PELATEH)** (2 Jawatan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1 EB.2 2 — $230x10-280/EB/290x15-380.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb. Nobember. 1973.

## Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

**Kelayakan2:**

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB. 4 — $230x10-290x15-335/EXAM BAR / 350x15-380-410x510/EB/540 x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb. Nobember, 1973.

## Sa-bagai Penolong Pensharah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 Penolong Pensharah Maktab Perguruan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

A. **PENOLONG PENSHARAH MAKTAB PENGURUAN UGAMA** (Lukisan dan Pekerjaan Tangan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalun2 hendak-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan S.P.M. atau yang sa-banding dengan-nya.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Perguruan dalam matapelajaran Art and Craft dari mana2 Maktab Latehan Guru yang di-akui.
c) Lulus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
d) Mempunyai pengalaman matapelajaran Art and Craft tidak kurang dari 5 tahun.

B. **PENOLONG PENSHARAH MAKTAB PENGURUAN UGAMA** (Latehan Jasmani)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalun2 hendak-lah sekurang2-nya mempunyai kelulusan S.P.M. atau yang sa-banding dengan-nya.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Perguruan dalam matapelajaran Latehan Jasmani dari mana2 Maktab Latehan Guru yang di-akui.
c) Lulus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
d) Mempunyai pengalaman mengenai matapelajaran Latehan Jasmani tidak kurang dari 5 tahun.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $710x30-950/EB/1000x30-1120.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara ber-kontrek sa-lama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Bagai chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

**Baksis:**

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Disember, 1973.

## Sa-bagai Penterjemah Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam kerja2 menterjemah.
c) Boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji C.2 — $710 x30-950. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara kontrek sa-lama tiga tahun termasok masa perchubaan enam bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-Perjawatan Tetap salepas menjalani satu tempoh perchubaan.

**Baksis:**

Bagi sa-seorang chalun yang dilantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb. Oktober, 1973.

## Sa-bagai Guru Ugama Pelateh

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Guru Ugama Pelateh (Perchubaan) di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2:**

(a) Umor di-antara 17 hingga 25 tahun.
(b) Lulus Darjah VI Sekolah Ugama Brunei dengan mendapat sekurang2-nya pangkat III.
(c) Pandai dan lanchar membacha Al-Quran dan mengetahui hukom tajuid.
(d) Lulus Sijil Rendah Pelajaran pangkat 'A' atau 'B' atau yang sa-banding dengan-nya.
(e) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus dengan kepujian dalam mata2 pelajaran yang berikut:-
   i) Pengetahuan Ugama Islam.
   ii) Bahasa Melayu.
   iii) Ilmu Hisab.
   iv) Sains.

**Gaji:**

$200 sa-bulan dalam sukatan gaji $200x5-210.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb. Disember, 1973.



**SA-RAMAI 3,935 orang penuntut dari sekolah2 menengah di-seluroh negeri telah mengambil pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Lower Certificate of Education pada minggu lalu.**

**Dari jumlah itu, sa-ramai 1,650 orang chalun mengambil pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran.**

**Sa-banyak 27 buah pusat pepereksaan telah di-tubohkan diseluroh negeri termasok sembilan buah untok Sijil Rendah Pelajaran.**

**Pepereksaan yang berjalan sa-lama lima hari itu akan berakhir 18hb. Oktober ini.**

**Gambar atas menunjokkan chalun2 dari Sekolah Menengah Melayu SMJA ketika menjalani pepereksaan tersebut.**

# TINDAKAN AKAN DI-AMBIL

(Dari muka 1)

poran hendak-lah di-kirimkan kapada Pegawai Daerah dikawasan masing2 untok ma'aloman mereka.

Pengawal Setor Kerajaan itu juga mengingatkan bahawa peniaga2 yang gagal untok memenohi peratoran2 itu, maka tindakan akan di-ambil untok memotong nama2 mereka dari daftar peniaga2 beras, dan mereka akan di-hukum dengan tidak membenarkan berjual beras sama sekali.

Pada bulan lepas beberapa buah kedai di-Bandar Seri Begawan telah di-potong nama mereka dari daftar pembeli beras di-Pejabat Setor dan Perbekalan Negara kerana di-dapati menyimpan beras yang berlebehan dan enggan menjual-nya kapada orang ramai.

Sementara itu, Pegawai2 Kastam pada bulan lalu telah merampas 35 guni beras yang chuba di-seludopkan ka-tempat lain.

Beras itu telah di-bawa oleh Awang Tey Kun Hwa dalam sa-buah kapal Kian Lee yang chuba di-sembunyikan di-Kampong Pulau Berbunot.

Ketua Kampong Pulau Berbunot Awang Haji Abdul Hamid bin Mat Rais yang menyaksikan kejadian itu telah menghubongi pehak2 yang berkenaan.

Juragan kapal Kian Lee itu kemudian-nya telah mengaku salah dan di-denda sa-banyak $100.00.

Baru2 ini Pegawai2 Kastam juga mendapati 5 gantang beras di-Ujong Jalan Kg. Pendaruan Daerah Temburong yang di-perchayai hendak dibawa keluar dari daerah itu.

# Anggaran ramai pendudok

(Dari muka 1)

yang terdiri dari 8,489 lelaki dan 7,866 perempuan dan Daerah Temburong 5,410 orang yang terdiri dari 2,885 lelaki dan 2,525 perempuan.

Dengan menggunakan chara penganggaran yang sama anggaran ramai pendudok Brunei pada pertengahan tahun 1973 ia-lah sa-ramai 145,170 orang yang terdiri dari 77,440 lelaki dan 67,730 perempuan.

Ini mengandongi bagi Daerah Brunei/Muara ia-lah sa-ramai 78,030 orang terdiri dari 40,800 lelaki dan 37,230 perempuan; Daerah Belait sa-ramai 44,870 orang yang terdiri dari 25,040 orang lelaki dan 19,830 perempuan; Daerah Tutong sa-ramai 16,700 orang yang terdiri dari 8,650 lelaki dan 8,050 perempuan; Daerah Temburong sa-ramai 5,570 orang yang terdiri dari 2,950 lelaki dan 2,620 perempuan.

Di-bawah ini ada-lah anggaran pendudok Brunei mengikut jentina dan kumpolan umor lima tahun bagi pertengahan tahun 1973.

| Kumpulan umor (Tahun) | Jumlah | Lelaki | Perempuan |
|---|---|---|---|
| 0 – 4 | 22,700 | 11,710 | 10,990 |
| 5 – 9 | 20,640 | 10,660 | 9,980 |
| 10 – 14 | 18,840 | 9,570 | 9,270 |
| 15 – 19 | 15,860 | 7,840 | 8,020 |
| 20 – 24 | 13,780 | 7,360 | 6,420 |
| 25 – 29 | 10,170 | 5,660 | 4,510 |
| 30 – 34 | 9,020 | 4,990 | 4,030 |
| 35 – 39 | 7,500 | 4,030 | 3,470 |
| 40 – 44 | 6,860 | 3,880 | 2,980 |
| 45 - 49 | 5,330 | 3,200 | 2,130 |
| 50 – 54 | 4,560 | 2,770 | 1,790 |
| 55 – 59 | 2,800 | 1,700 | 1,100 |
| 60 – 64 | 2,580 | 1,460 | 1,120 |
| 65 – 69 | 1,880 | 1,050 | 830 |
| 70 – 74 | 1,250 | 670 | 580 |
| 75 dan ka-atas | 950 | 480 | 470 |
| Tidak di-ketahui | 450 | 410 | 40 |
| JUMLAH | 145,170 | 77,440 | 67,730 |

# Chadangan tempat2 yang sesuai utk menarek perhatian pelanchong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan ahli2 jawatankuasa peranchang kemajuan pagi semalam telah mengadakan lawatan ka-Tanong Pelumpong dan Pulau Muara Besar untok mengkaji kedudokan kedua2 tempat itu bagi faedah2 kemajuan.

Juruchakap jawatankuasa itu menyatakan, satu chadangan telah di-kemukakan kapada jawatankuasa tersebut untok menchari tempat2 yang sesuai bagi di-adakan projek bagi kemudahan2 menarek perhatian pelanchong2 dan sabagai tempat pelisiran pendudok2 negeri ini.

Walau bagaimana pun, kata-nya, perkara ini maseh lagi dalam pengkajian yang teliti, khas-nya dari segi kepentingan-nya kapada negara.

Sementara itu, pegawai2 dari Unit Peranchang Ekonomi petang semalam juga telah melawat ka-Mulaut dan Lumapas untok melihat perjalanan projek tanaman padi yang sedang berjalan sekarang.

Sa-luas 105 ekar tanah di-Mulaut sedang dalam usaha pembukaan-nya untok tujuan tanaman padi tugal, jagong dan lain2 tanaman saperti kachang hijau, kelidek, ubi kayu dan ubi manis.

Lima ekar dari kawasan itu telah mula di-tanami dan 100 ekar lagi sedang dalam proses pembersehan bagi tanaman selanjut-nya.

(Dari muka 1)

an sa-gulongan kechil murid2 sekolah dan guru2 perempuan tertentu sa-bagaimana di-hibohkan tersiar dalam surat khabar tempatan baru2 ini, Pengetua Hal Ehwal Ugama itu mengharapkan bahawa pakaian2 tersebut hendak-lah diselaraskan dengan adat kesopanan, kesusilaan dan ketimoran yang melambangkan sabagai orang2 Brunei.

Yang Berhormat berpendapat, Brunei sa-bagai sa-buah negara membangun, pakaian2 yang menjulok mata dan tidak senonoh harus-lah di-perhitongkan supaya ia-nya tidak menular.

Terdahulu sa-belum itu, Pengerusi Sambutan Nuzul Al-Quran, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned dalam uchapan-nya telah menerangkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama akan sentiasa mempertinggi dan memperkembangkan Ugama Islam kapada semua raayat dan pendudok di-Brunei.

# Hadiah Hari Raya utk janda, a-yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Ujong Tanjong dan Kuala Peminyak akan memberikan hadiah2 Hari Raya kapada 19 orang janda, anak2 yatim dan orang2 berumor tua dalam kawasan kampong tersebut.

Hadiah2 berupa wang tunai berjumlah lebeh $200.00 itu telah pun di-sediakan dan akan di-bahagian pada hari Khamis esok 18hb. Oktober.

Wang itu di-perolehi dari perniagaan kedai gunting dan kedai membuat ayer batu dibangunan Ibunda Jaya Bandar Seri Begawan.

# Di-bahagi2kan kpd yang berhak

(Dari muka 5)

Baki tersebut ada-lah disimpan oleh Majlis Ugama Islam dan akan di-keluarkan kapada asnaf2 yang berhak dari sa-masa ka-semasa menurut keperluan yang berbangkit, mithal-nya kapada muallaf2, orang2 musafir yang melarat dan lain-nya.

**Soal: Berdasarkan angka yang di-sebutkan tadi, boleh di-katakan jumlah yang di-kutip dan yang d-bahagikan sa-tiap tahun ada-lah besar. Ada-kah ranchangan di-masa hadapan bagi mempergunakan hasil kutipan itu kapada maksud2 yang lebeh berkesan?**

Jawab: Satu hal yang patut diperhatikan dalam perkara kutipan zakat fitrah di-negeri ini ia-lah pelaksanaan-nya baru berjalan empat tahun dan masok ketahun kelima dengan tahun ini. Jumlah yang terkumpul, dan jumlah yang dibahagi2kan serta jumlah yang tinggal di-simpan oleh Majlis Ugama Islam itu meskipun dapat di-katakan besar tetapi ada-lah maseh belum menyelurohi dari segi kutipan dan pembahagian-nya. Jadi sabelum kita memikirkan satu2 ranchangan bagi mempergunakan hasil kutipan zakat fitrah itu supaya menepati kehendak Allah mewajibkan-nya bagi maksud2 perkhidmatan sosial, (social service) demi faedah umat Islam mengikut shara' maka kita patut-lah terlebeh dahulu memikirkan langkah2 mengemaskan lagi pelaksanaan peraturan tersebut terutama sekali dari segi kutipan dan pembahagian itu.

Sekian.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.